

# BKN tentukan darurat: PM

23 jalan utama di seluruh Johor ditutup, laluan ke Kluang terputus

**J**OHOR BAHRU: Dua puluh tiga jalan utama di seluruh negeri tidak boleh dilalui sebarang kenderaan, manakala laluan ke Kluang terputus selepas jambatan Sungai Sembrong dinaiki air berikutan gelombang kedua banjir melanda Johor mulai kelmarin.

Sehingga semalam, bilangan mangsa banjir di seluruh Johor terus meningkat apabila sejumlah 74,525 penduduk daripada 16,138 keluarga dipindahkan ke 273 pusat penempatan di semua lapan daerah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata penilaian Bahagian Keselamatan Negara (BKN) terhadap keadaan banjir di Johor akan menentukan sama ada darurat wajar diisytiharkan atau sebaliknya.

Bellau yang kini di Cebu, Filipina bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-12, berkata laporan diterimanya menunjukkan keadaan masih terkawal dan semua jabatan serta agensi berkaitan dikerah mengendalikan pemindahan mangsa serta urusan berkaitan.

"Ini termasuk penyediaan bantuan makanan bagi memastikan suasana

**“Penduduk Johor Bahru dinasihatkan menyimpan air secukupnya selepas paras air di loji Sungai Johor serta loji Semanggar, Kota Tinggi menghampiri tahap bahaya dan operasinya ditutup jika melebihi paras bahaya”**

**Jamaluddin Jamil**  
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat SAJ

kekal selamat walaupun di tengah bencana alam," katanya, semalam.

Sementara itu, jurucakap Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, berkata empangan Bekok, Batu Pahat kini mencecah paras 18.99 meter, manakala empangan Sembrong, Kluang pula mencecah ketinggian 13.02 meter, kedua-duanya berada pada paras bahaya.

"Lima sungai utama juga dicatat pada paras berjaga-jaga iaitu Sungai Muar (17.81 meter), Sungai Kampung Buluh Kasap (8.53 meter), Sungai Muar di Segamat (7.08 meter), Sungai Bukit Kepong (1.88 meter) dan Sungai Seri Medan (1.81 meter)," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Setakat jam 4 petang semalam, daerah teruk terjejas adalah Johor Bahru dengan sejumlah 20,475 mangsa banjir daripada 4,657 keluarga dipindahkan ke 39 pusat pemindahan sementara.

Ia diikuti Kluang 15,717 mangsa banjir membabitkan 3,532 keluarga di 54 pusat pemindahan, Batu Pahat (15,607 mangsa) daripada 2,907 keluarga (78 pusat pemindahan).

Kota Tinggi (10,797 mangsa) daripada 1,891 keluarga di 32 pusat pe-

mindahan, Segamat (6,075 mangsa), 1,501 keluarga di 29 pusat pemindahan; Muar (1,699 mangsa), 364 keluarga di 10 pusat pemindahan; Pontian (2,412 mangsa), 428 keluarga di 21 pusat pemindahan; manakala Mersing, 3,178 mangsa, 588 keluarga membabitkan 10 pusat pemindahan.

Berikutan banjir bertambah buruk, Syarikat Air Johor (SAJ) Sdn Bhd terpaksa menutup bekalan airnya di lima loji iaitu Simpang Renggam, Sungai Sayong 1, Sungai Sayong 2, Tenggaraoh dan Kahang Timur.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporatnya, Jamaluddin Jamil, berkata loji Sembrong Timur pula beroperasi pada tahap 50 peratus dan beberapa kawasan akan terputus bekalan air.

"Antaranya ialah di Seri Alam, Taman Rinting, Masai, Taman Megah Ria, Taman Kota Puteri serta Taman Bukit Rinting dan kita sudah menghantar 32 lori tangki ke semua kawasan terbahit," katanya.

Sejumlah 194 pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad negeri ditutup menyebabkan beberapa bandar utama seperti Kota Tinggi dan Kluang ketiadaan bekalan elektrik.

Pengurus Besar TNB, Mohamad

Mokhtar Mohd Ali, berkata daripada jumlah pencawang ditutup, 139 daripadanya di Johor Bahru, 29 di Kota Tinggi, Kluang (13), Kulai (11) manakala Segamat dan Pasir Gudang, masing-masing satu pencawang.

Di PAHANG, banjir buat kali kedua mula melanda negeri itu semalam dengan 462 orang dipindahkan ke empat pusat penempatan banjir sementara yang dibuka mulai jam 1 tengah hari.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Kontinjen Pahang berkata, banjir berlaku di Rompin itu hanya membabitkan empat penempatan iaitu Kampung Kurnia, Perpat, Rekoh dan Bukit Seruk yang terletak berhampiran dengan Sungai Setajam dan Sungai Kampung Bukit Seruk.

Di SABAH, Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Muhiden Yusin memberi kebenaran kepada pengetua dan guru besar sekolah yang dilanda banjir untuk menutup sekolah mereka jika keadaan membahayakan keselamatan pelajar.

"Mereka boleh mengeluarkan arahan menutup sekolah pada bila-bila masa mengikut penilaian sendiri," katanya.

BH-14/11/2007